

27/01/1997

Pegawai tidak harus sembunyikan fakta sebenar

Sut

HAL yang menarik satu dua hari ini ialah apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turun padang melihat masalah yang dihadapi pengangkutan awam khususnya di Kuala Lumpur sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat teruk akhir-akhir ini.

Kita Dari Hati Ke Hati mengucapkan syabas kepada Anwar yang bukan saja kerana sanggup berpanas, tambahan pula dalam bulan puasa tetapi yang lebih penting ialah dengan cara demikian membayangkan sikapnya yang benar-benar ingin melihat rakyat hidup dalam keadaan yang aman dan sejahtera melalui kemudahan awam yang efisien.

Ada juga teman yang cuba membuat interpretasi yang pelbagai apabila Timbalan Perdana Menteri sendiri turun padang. Ada yang menyatakan ada pihak yang sepatutnya menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya tidak menjalankan tanggungjawab itu sehingga berlaku kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur pada waktu akhir-akhir ini yang luar biasa dahsyatnya.

Ada pula yang menyatakan tindakan itu seolah-olah membayangkan tidak adanya kepercayaan Timbalan Perdana Menteri sendiri terhadap orang yang sepatutnya diberi kepercayaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kita dari hati ke hati menerima perkara ini secara positif. Tambahan pula pada Ramadan yang mulia, lebih baik kita jauhkan diri daripada berfikir secara negatif.

Dulu, kita pernah bertanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu selalu ke Langkawi melihat segala projek di sana.

Kita bertanya kepada beliau, apakah beliau tidak mempercayai pegawai yang dilantiknya untuk menyelia segala projek dan kemajuan yang berjalan di Langkawi sehingga beliau selalu ke Langkawi?

Menjawab soalan itu beliau dengan tegas menyatakan bahawa bukan masalah percaya atau tidak kepada pegawai yang dilantik tetapi yang lebih penting katanya ialah "apabila saya melakukan sesuatu, saya mesti selalu melihat perkembangannya supaya jika ada apa-apa masalah dengan segera dapat kita bantu membetulkannya." Katanya lagi, "yang penting ialah kredibiliti. Kita mesti menjaga kredibiliti kita sepanjang masa."

Begitulah hakikatnya apabila Anwar turun melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh rakyat, ini seharusnya diberi pujian kerana bukan saja menunjukkan keprihatinannya terhadap nasib rakyat tetapi yang lebih penting ialah bagi menjaga dan mempertahankan kredibiliti pada mata rakyat. Lagipun beberapa tahun lalu memang Anwar selalu membuat lawatan mengejut ke beberapa institusi di bawah tanggungjawabnya. Apabila beliau memulakan kembali lawatan yang sedemikian, itu mengembalikan ingatan kita kepada apa yang dilakukannya beberapa tahun yang lalu.

Sebenarnya lawatan yang agak mengejut begini memang mempunyai makna dan berfaedah. Ia seharusnya dilakukan oleh menteri lain juga. Lawatan yang begini tidak memberi peluang pegawai menyediakan 'hanya yang baik-baik' saja.

Tidak dinafikan juga kadang-kadang laporan yang diberikan oleh pegawai dalam sesuatu taklimat dalam bilik berhawa dingin kadang-kadang tidak menceritakan hal yang sebenarnya berlaku. Yang diceritakan bukan segala masalah yang dihadapi tetapi kemajuan yang dicapai. Kemajuan yang dicapai selalunya baik-baik belaka.

Sikap serta pemikiran sesetengah pegawai yang hanya menceritakan yang

baik saja seharusnya diubah kepada menceritakan perkara yang sebenarnya terjadi. Apabila seseorang menteri, apatah lagi Timbalan Perdana Menteri melawat ke sesuatu organisasi atau sesuatu projek, memang beliau ingin mengetahui kemajuan yang dicapai oleh sesuatu organisasi atau projek itu, tetapi yang tidak harus disembunyikan ialah masalah yang dihadapi yang memerlukan penyelesaian.

Kita tidak fikir Timbalan Perdana Menteri, ataupun menteri sewaktu melawat ke sesuatu organisasi, tapak projek dan sebagainya ingin mendengar yang baik sahaja.

Ada ramai orang yang hanya menceritakan hal yang baik saja kepada pihak atasannya sehingga masalah yang dihadapinya, bagaimana besar pun tidak diceritakan. Keadaan seperti itu, yang timbul daripada suasana mental feudal seharusnya sudah lama lenyap kerana kita sudah lama merdeka.

Lagipun sikap mental dan pemikiran yang begini tidak boleh membantu kepada pencapaian kita dalam apa bidang sekalipun. Banyak perkara yang dapat diselesaikan dengan cepat, oleh pemikiran dan sikap mental yang demikian boleh melambatkan. Zaman kini tidak lagi membenarkan keadaan yang demikian kerana kelambatan walaupun sesaat akan menyebabkan kerugian yang besar jumlahnya.

(END)